

11/05/1999

Guru perlu bersikap proaktif, dinamik

Syuhada Choo Abdullah

GURU harus sentiasa berusaha memantapkan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran seiring dengan perkembangan pesat bidang pendidikan, sebagai persediaan menghadapi cabaran profesion perguruan menjelang alaf baru.

Pengarah Bahagian Sekolah, Sabri Salleh, berkata untuk menjadi pendidik yang berkesan, guru tidak boleh leka dan hanya statik pada tahap ilmu pengetahuan serta kemahiran sedia ada.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Hari Guru Peringkat Kebangsaan 1999 berkata, guru perlu bersikap proaktif serta dinamik dan mempunyai inisiatif untuk mempertingkatkan tahap penguasaan itu supaya tidak ketinggalan dalam perkembangan pantas arena pendidikan global.

Sebagai contoh, katanya, guru perlu melengkapkan diri dengan mempelajari serta menguasai kemahiran teknologi maklumat (IT) yang kini memainkan peranan semakin penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Selain itu, menurutnya, guru juga harus menyemak serta mengubah cara pemikiran dan pelaksanaan tugas mereka supaya lebih mantap, termasuk dari segi kaedah pengajaran, sejajar dengan tema sambutan Hari Guru 1999, iaitu 'Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang'.

"Guru sendiri mesti berusaha belajar dari semasa ke semasa bagi memantapkan penguasaan ilmu serta kemahiran mereka, selain menunjukkan pegangan nilai yang betul dan amalan budaya kecemerlangan kepada pelajar.

"Tambahan pula dalam perkembangan pesat zaman IT, guru kini berdepan dengan golongan pelajar yang memiliki pelbagai kebolehan dan keupayaan tersendiri, sama ada dari segi mental, emosi mahupun latar belakang.

"Justeru guru juga perlu bersikap terbuka dan fleksibel, iaitu tidak terlalu ketat dengan peraturan serta tidak perlu menunggu arahan, untuk membantu pelajar mencapai kejayaan," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Sementara itu mengenai sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan 1999 pula, Sabri berkata, kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk merasmikan pelancarannya pada 16 Mei ini adalah satu penghormatan tinggi terhadap profesion perguruan tanah air.

Tambahan pula, beliau berkata, kira-kira 4,000 warga pendidik dijangka memeriahkan majlis sambutan itu yang akan diadakan di Mines Exhibition Centre, Sungai Besi.

Menurutnya, antara objektif mengadakan sambutan Hari Guru ialah untuk menitikberatkan peranan mereka dalam pembinaan kebangsaan, pembangunan negara, dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Katanya, sambutan berkenaan juga bertujuan untuk meninggikan martabat dan taraf guru dalam masyarakat di samping memberi peluang kepada mereka untuk memajukan kecekapan melalui aktiviti seperti seminar dan persidangan pada Hari Guru.

"Selain itu, sambutan berkenaan boleh memupuk perasaan perpaduan ikhtisas serta muhibah di antara guru di samping menarik perhatian ibu bapa, pelajar dan orang ramai terhadap peranan penting guru dalam masyarakat Malaysia," katanya.

(END)